

# **Pembantu Rumah Wanita Indonesia di Malaysia: Masalah dan Cabaran**

Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran\*

Mohd Roslan Mohd Nor\*\*

Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Email: [m\\_roslan@um.edu.my](mailto:m_roslan@um.edu.my)

## **Abstrak**

Hubungan diplomatik yang terjalin di antara Malaysia dan Indonesia sering mengalami pasang dan surutnya. Walaupun begitu, kesedaran pemimpin kedua-dua buah negara khususnya bagi mengekalkan hubungan tersebut telah menyebabkan pelbagai usaha dilakukan dalam menyelesaikan pelbagai isu yang mendarat. Hal ini termasuklah isu-isu yang berkaitan dengan hal-hal kemasyarakatan dan ekonomi. Ini kerana kemakmuran sesebuah negara adalah bergantung kepada kesejahteraan rakyatnya di mana hak-hak mereka mestilah dipenuhi dan keadilan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya. Namun sehingga kini, isu atau masalah mengenai pembantu rumah wanita warganegara Indonesia khususnya yang bekerja di Malaysia masih lagi hangat diperkatakan. Secara puratanya, lebih daripada 90% pembantu rumah di Malaysia adalah merupakan warganegara Indonesia. Sepertimana laporan yang dikeluarkan oleh Human Rights Watch (HRW) suatu ketika dahulu, beribu-ribu pembantu rumah Indonesia yang bekerja di Malaysia menghadapi penderaan dan dalam kesengsaraan disebabkan polisi-polisi kerajaan di kedua-dua negara yang gagal untuk memberi perlindungan kepada mereka. Begitu juga dengan laporan HRW yang telah mendokumentasikan bagaimana pada kebiasaan mereka akan bekerja tanpa rehat selama 16 hingga 18 jam sehari, 7 kali seminggu dan meraih pendapatan yang kurang daripada AS \$0.25 sejam. Namun tidak kurang juga bagi sesetengah kes yang melibatkan kecurian dan kezaliman yang dilakukan terhadap majikan mereka di atas kepercayaan yang diberikan. Oleh yang demikian, skop

---

\* Siti Nor Aisyah Binti Ngadiran merupakan calon ijazah tinggi, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

\*\* Mohd Roslan Mohd Nor merupakan Pensyarah Kanan dan Ketua, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

perbincangan yang akan dilaksanakan bagi kertas kerja ini adalah masalah dan cabaran yang dihadapi sepetimana yang telah dibincangkan sebelum ini dan hak-hak pekerja khususnya wanita. Begitu juga dengan usaha-usaha yang dilakukan oleh kedua-dua buah negara dalam mengatasi hal tersebut dan kepentingan menjalankan hubungan yang harmoni di antara kedua-dua buah negara.

**Kata Kunci:** Pembantu rumah Indonesia, pekerja domestik, pekerja wanita, majikan Malaysia, masalah dan cabaran pembantu rumah.

## A. Pendahuluan

**H**ubungan Malaysia dan Indonesia yang terjalin sekian lama adalah berdasarkan kepada pelbagai dimensi. Antara lain ia diasaskan kepada saling mempercayai antara kedua-dua negara yang mempunyai latar belakang budaya dan sosio-ekonomi yang sama. Pada peringkat kerajaan, hubungan kerajaan Malaysia-Indonesia berada pada kedudukan yang amat baik. Keakraban kedua-dua kerajaan dapat dilihat menerusi kemesraan pemimpin kedua-dua negara yang saling kunjung-mengunjungi antara satu dengan lain dan jalinan kerjasama di antara kedua-dua negara di dalam banyak perkara .

Namun, jambatan harmoni dan hubungan mesra ini juga boleh dimusnahkan dalam sekilip mata menerusi pelbagai faktor juga jika ia tidak dijaga rapi. Konfrontasi Indonesia-Malaysia mungkin menjadi pengajaran pahit dan diharapkan tidak berulang kembali. Malah dari semasa ke semasa, bibit-bibit yang tidak sihat yang berpunca daripada masalah masyarakat sering berlaku. Biasanya, perbalahan antara dua negara ini akan membabitkan tiga isu utama iaitu isu kedaulatan bangsa dan negara, masalah tenaga kerja Indonesia (TKI) dan sosio-budaya.

Salah satu isu tersebut iaitu masalah tenaga kerja Indonesia (TKI) semakin hangat diperkatakan sehingga kini. Secara umumnya, migrasi pekerja antarabangsa bukan sahaja fenomena bagi negara penerima tetapi juga menjadi industri baru bagi negara pengeksport tenaga kerja untuk menambahkan pendapatan negara. Pengeksportan pekerja menjadi sumber pendapatan yang penting bagi sesetengah negara yang melakukan program pengeksportan tenaga kerja untuk mengatasi masalah pengangguran dan kemiskinan terutamanya Indonesia.

Pengiriman pekerja Indonesia ke luar negara telah ditetapkan dalam *Garis-Garis Besar Haluan Negara (GBHN)*<sup>1</sup> 1993-1998 dan 1999-2004 sebagai kebijakan eksport selain minyak. Malahan kerajaan Indonesia menyatakan bahawa penghijrahan merupakan salah satu alternatif kebijakan ekonomi bagi pembangunan ekonomi Indonesia pada masa sekarang mahu pun akan datang.

Bahkan, sektor pembantu rumah di Malaysia juga merupakan bidang keempat terbanyak mengambil pekerja asing selepas sektor pembuatan, pembinaan dan perladangan. Mengikut statistik, jumlah pembantu rumah yang berdaftar sehingga Mac 2008 ialah seramai 309,045 orang dan daripada jumlah tersebut Indonesia adalah penyumbang terbesar iaitu 288,672 orang.

Berdasarkan kenyataan tersebut, dapat kita saksikan bahawa banyak keluarga bergantung pada pembantu rumah untuk menjaga anak dan melakukan kerja-kerja domestik disebabkan oleh kaum wanita yang menyertai tenaga kerja. Adapun di kalangan wanita ini terpaksa bekerja bukanlah semata-mata untuk mengejar kemewahan dan pangkat tetapi atas faktor '*survival*' terutamanya yang berstatus ibu tunggal. Begitu juga dengan tanggungjawab dalam mengasuh anak-anak yang sepatutnya dilakukan oleh seorang ibu terpaksa diserahkan kepada pembantu rumah.

## B. Latar Belakang

Peribahasa Melayu ada menyatakan bahawa '*ada padi masak, adalah pipit*'. Dengan kemakmuran ekonomi dan kestabilan politik negara ini, puluhan ribu warga asing datang ke Malaysia bertujuan untuk mencari rezeki dalam pelbagai sektor pekerjaan. Malaysia merupakan salah satu destinasi utama kepada sebahagian besar tenaga kerja Indonesia (TKI) sejak dua dekad yang lalu. Jarak geografi yang dekat, persamaan adat, bahasa dan terbukanya pelbagai peluang pekerjaan di pelbagai sektor telah mendorong TKI untuk datang ke Malaysia.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Garis-garis Besar Haluan Negara (GBHN) adalah haluan negara tentang penyelenggaraan negara dalam garis-garis besar sebagai pernyataan kehendak rakyat secara menyeluruh dan terpadu dan ditetapkan oleh MPR (Majlis Permusyawaratan Rakyat) untuk jangka waktu 5 tahun.

<sup>2</sup>Christine B. N. Chin (1997), *International Migration Review* (Walls of Silence and Late Twentieth Century Representations of the Foreign Female Domestic Worker: The Case of Filipina and Indonesian Female Servants in Malaysia), Vol. 31, No. 2 (Summer, 1997), New York : The Center for Migration Studies, hlm. 363.

Antara warga asing yang menjadikan Malaysia sebagai ‘rumah kedua’ demi memastikan survival mereka ialah warga Indonesia. Dalam sektor pekerjaan pembantu rumah atau amah sahaja, setiap bulan sejumlah 3,000 pembantu rumah dihantar ke Malaysia melalui agensi pekerjaan. Sehingga kini terdapat kira-kira 300,000 wanita Indonesia bekerja sebagai pembantu rumah di Malaysia.<sup>3</sup>

Menjelang kemerdekaan, Malaysia sudah mempelbagaikan asas ekonomi komoditi sepetimana yang diperkenalkan pada zaman penjajahan British iaitu kelapa sawit, koko, lada hitam, kayu balak serta penumpuan kepada eksport barang seperti pembuatan, tekstil dan getah. Pada peringkat awal, pembangunan ekonomi ditumpukan kepada peningkatan infrastruktur ekonomi, pembangunan pertanian dan industri gantian-import.<sup>4</sup>

Malaysia mula menjalankan industri import dalam sekitar tahun 1960-an iaitu dalam tempoh percubaan untuk mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan dan generasi muda khususnya. Maka sejak tahun 1950, pendidikan yang menyeluruh telah dilaksanakan dan disediakan kepada penduduk tempatan sama ada pendidikan tahap rendah dan menengah. Bahkan dengan wujudnya sektor perindustrian, banyak anak-anak muda yang berhijrah ke bandar untuk bekerja di sektor-sektor tersebut. Hal ini telah menjasarkan sektor pertanian di kawasan kampung dan pedalaman iaitu tenaga pekerja yang semakin kurang sehingga menyebabkan negara terpaksa mengimport tenaga kerja dari negara-negara jiran terutamanya Indonesia.<sup>5</sup>

Oleh yang demikian, sejak tahun 1960-an, keadaan ekonomi Malaysia semakin berkembang dengan pesatnya dan peluang pekerjaan juga semakin bertambah terutamanya dalam sektor pertanian dan pembinaan yang menuntut ramai tenaga buruh. Dengan itu, bertambah jugalah tenaga kerja dari negara-negara jiran datang ke Malaysia untuk diambil bekerja memandangkan kesanggupan mereka untuk bekerja keras di samping sanggup menerima gaji yang rendah daripada pihak majikan.<sup>6</sup>

<sup>3</sup>[http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/8/8/mstar\\_berita/20100808144802&sec=mstar\\_berita](http://mstar.com.my/berita/cerita.asp?file=/2010/8/8/mstar_berita/20100808144802&sec=mstar_berita)

<sup>4</sup> Karim, A.H.M. Zehadul (1999), *Foreign workers in Malaysia : Issues and Implications*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., hlm. 8.

<sup>5</sup> *Ibid.*, hlm. 15.

<sup>6</sup> Shirlena Huang dan Brenda S.A. Yeoh (1996), *Geoforum (Ties That Bind: State Policy and Migrant Female Domestic Helpers in Singapore)*, Vol. 27, No. 4, Great Britain :

Pada akhir tahun 1960-an pula, pembangunan ekonomi diasaskan kepada pembangunan teknologi dan peralihan dari industri gantian import kepada industri berorientasikan eksport.<sup>7</sup> Dengan perkembangan ini juga, pekerja di kalangan wanita turut bertambah di samping perkembangan pendidikan yang semakin dikuasai oleh mereka. Oleh yang demikian, keperluan kepada pembantu rumah mulai timbul untuk membantu mereka menguruskan hal-hal rumah tangga terutamanya memasak, mencuci pakaian, menjaga anak-anak dan sebagainya. Ini kerana masa dan tenaga yang terhad di kalangan wanita bekerjaya ini menyebabkan mereka tidak mampu untuk menguruskan kedua-dua perkara dalam waktu yang sama.

Perkara ini terus berlanjutan sehingga menjelang abad ke-20 di mana Malaysia mula memberi perhatian kepada pembangunan ekonomi berteraskan K-ekonomi. Bahkan secara keseluruhan, pembangunan ekonomi di Malaysia telah mencapai kejayaan yang dapat diukur dengan kadar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang baik iaitu sekitar 8%-9% terutamanya pada tahun 1980-an dan 1990-an. Kualiti hidup rakyat juga secara amnya adalah baik berdasarkan penurunan kadar kemiskinan dan kadar inflasi yang rendah.

Justeru, semakin baik kualiti hidup rakyat maka tuntutan sara hidup terutamanya di kota-kota besar adalah amat tinggi sehingga mendesak suami dan isteri untuk bekerja. Maka urusan dalam rumah termasuk penjagaan anak terpaksa diupah untuk diurus oleh pembantu rumah yang rata-rata dibawa masuk dari Indonesia, Filipina, Myamar, India dan negara jiran yang lain.

Maka dengan tuntutan terhadap keperluan tenaga kerja seperti ini, bukan sahaja tenaga kerja asing dari kalangan lelaki sahaja yang datang ke negara ini, malah kaum wanita juga turut mengambil peluang tersebut. Malah memandangkan sektor pekerjaan pembantu rumah tidak menarik minat wanita tempatan maka khidmat pembantu rumah yang kebanyakan dari Indonesia terpaksa digunakan.<sup>8</sup>

---

Elsevier Science Ltd., hlm. 487.


<sup>7</sup> Rohana Ariffin (2001), *Hawke Institute Working Paper Series* (Domestic Work and Servitude in Malaysia), Australia : University of South Australia, hlm. 2.

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 6.

### C. Statistik Pembantu Rumah Warga Asing di Malaysia

Tahun	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005	2006	2007	2008
Jumlah	94,192	177,546	194,710	232,282	263,465	285,441	320,171	310,662	314,295	293,356

Sumber: Kementerian Dalam Negeri



Jumlah pembantu rumah aktif di Malaysia mengikut warganegara tahun 2008<sup>9</sup>  
Sumber : Jabatan Imigresen Malaysia

Jika diperhalusi jumlah pekerja asing di Malaysia mengikut sektor pekerjaan, pembantu rumah asing pada 2008 berjumlah 293,356 iaitu mewakili 14.2 peratus dan menduduki tempat keempat sektor terpenting daripada enam sektor keseluruhan. Uniknya ini adalah sektor terbesar penglibatan pendatang wanita asing yang hampir menguasai 100% pasaran kerja. Ini kerana pada 2008, pembantu rumah asing dari Indonesia telah menguasai 91.7 % pasaran dengan jumlah 230,894 orang.

Kadar kebergantungan kepada pembantu rumah asing yang bermula seawal tahun 1980-an menyaksikan peningkatan dengan penggunaan lebih tiga kali ganda pada 2008 berbanding tahun 1999 iaitu 94,192 orang sahaja. Realitinya, jika ia dibaca bersama garis panduan dan syarat-syarat pengambilan pembantu rumah asing iaitu 'hanya satu pembantu rumah asing yang layak dipohon untuk satu keluarga', maka secara amnya, terdapat 293,356 buah keluarga yang bergantung kepada khidmat pembantu rumah. Walau bagaimanapun angka ini masih dikira terlalu kecil iaitu mewakili 4.87%.<sup>10</sup>

<sup>9</sup> Faizal Riduan (Oktober 2009), *Milenia Muslim* (Amah oh Amah : Hamba Sahaya Zaman Moden), Kuala Lumpur : Penerbitan Karangkraf Sdn. Bhd., hlm. 70.

<sup>10</sup> Ibid.

Menerusi wawancara dengan mantan Presiden bagi Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (PAPA), Datuk Raja Zulkepley Dahalan mengenai negara sumber alternatif pembantu rumah asing selain dari Indonesia, beliau menjelaskan bahawa PAPA telah mengesyorkan beberapa alternatif kepada kerajaan namun tidak mudah bagi rakyat negara lain menggantikan tempat pembantu rumah Indonesia yang 95% beragama Islam.

*"Kita telah berunding sejak setahun lalu dengan kerajaan Filipina untuk membawa masuk pembantu rumah Muslim dari Mindanao dan bukan Muslim dari kepulauan Luzon, namun ia gagal kerana gaji minimum mereka ialah RM1,400. Selain dari selatan Thailand yang digajikan RM600, pembantu rumah asing dari Vietnam RM750, Kemboja RM650 dan Sri Lanka RM600 semuanya adalah 100% bukan Muslim,"* tambah beliau mengenai keadaan sosio-ekonomi majikan Malaysia yang kebanyakannya mampu membayar gaji RM600 dan RM700 sebulan.<sup>11</sup>

Kadar tersebut menurut beliau adalah ideal kerana kos makanan, penginapan, dan keperluan harian mereka diserap dalam perbelanjaan majikan manakala kos pekerjaan mereka adalah percuma. Jika hendak dikira semua kos tersebut, dianggarkan lebih kurang RM1,500 sebulan seumpama menanggung seorang anak.

Menurutnya lagi, kos pengambilan pembantu rumah warga asing yang tinggi bukanlah disebabkan oleh faktor agensi pekerjaan sebaliknya kos tersebut dikenakan oleh kerajaan negara pembekal pembantu rumah itu sendiri. Agensi pekerjaan pembantu rumah bukanlah pengimport dalam perdagangan manusia sebaliknya mereka adalah penyelia fasiliti dengan kadar untung kasar RM650 bagi seorang pembantu rumah warga asing.<sup>12</sup>

Manakala mengenai persoalan kualiti kerja pembantu rumah warga asing yang dilihat bermasalah dari peringkat asas di negara sumber, beliau turut menjelaskan bahawa latihan praktikal adalah dibekalkan oleh negara sumber sedangkan agensi hanya menempatkan sahaja. Selebihnya agensi memberi orientasi sehari dua dan khidmat kaunseling percuma dalam tempoh tiga bulan.<sup>13</sup>

Mengenai usaha memperkenalkan pembantu rumah tempatan pula, idea ini dianggap sebagai terlalu ideal dan tidak realistik. Malah

<sup>11</sup> Ibid., hlm. 71.

<sup>12</sup> Ibid.

<sup>13</sup> Ibid.

dikhuatiri jika sebelum ini masalah pembantu rumah menimbulkan konflik antara negara maka dikhuatiri masalah pembantu rumah tempatan boleh membawa kepada masalah perkauman. Menyedari hakikat ini, kerjaya sebagai pembantu rumah perlu diberikan dimensi baru di mana pihak majikan dan pembantu rumah perlu diikat dalam satu kontrak atau undang-undang sosial yang lebih adil yang memerlukan mereka mentafsir semula persepsi masing-masing terhadap tanggungjawab dalam hubungan dua hala.

#### D. Masalah dan Cabaran Pembantu Rumah Indonesia di Malaysia

Isu pembantu rumah sentiasa mewarnai hubungan Malaysia-Indonesia. Pelbagai masalah dan cabaran sering dihadapi sama ada di kalangan majikan maupun pembantu rumah itu sendiri. Di kalangan pembantu rumah, masalah yang biasa dihadapi oleh mereka di negara ini antaranya ialah gaji yang rendah, tempoh waktu bekerja yang tidak terhad, masalah komunikasi antara mereka dengan majikan, penderaan fizikal dan mental, dan lain-lain lagi.

Kes penderaan amah warga asing di Malaysia khususnya Indonesia, sering mendapat liputan yang meluas oleh media sama ada di Malaysia dan Indonesia sendiri. Begitu juga pembelaan terhadap nasib amah yang didera mendapat perhatian daripada semua pihak termasuk pihak pemerintah dari kedua-dua negara.

Antara kes yang pernah mendapat liputan yang meluas oleh media massa suatu ketika dahulu ialah kes Siti Hajar yang didera oleh majikannya. Siti Hajar, 33 adalah penganut agama Islam yang didera dan diseksa sehingga dipaksa memakan babi. Bahkan dia juga tidak pernah menerima gaji yang telah dijanjikan iaitu sebanyak RM500 sebulan sejak tiga tahun yang lalu.<sup>14</sup>

Seterusnya adalah kes penderaan yang menimpa Nirmala Bonat, 19, warga Indonesia yang berasal dari Nusa Tenggara Timur, Kupang, Indonesia. Mangsa dipercayai didera teruk oleh majikannya sewaktu bekerja di sebuah kondominium di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur. Malah hampir dua tahun kes tersebut telah disiarkan dan telah mencetuskan tunjuk perasaan anti Malaysia di Indonesia. Mangsa, antara lain, melecur pada kedua-dua buah dadanya akibat

---

<sup>14</sup> [http://www.mykhilafah.com/fikratul-ummah/1466-fikratul-ummah-julai-2009#Isu\\_Penderaan\\_Pembantu\\_Rumah:\\_Siapakah\\_yang\\_Patut\\_Dipersalahkan\\_](http://www.mykhilafah.com/fikratul-ummah/1466-fikratul-ummah-julai-2009#Isu_Penderaan_Pembantu_Rumah:_Siapakah_yang_Patut_Dipersalahkan_)

ditekap dengan seterika panas. Bahagian belakang badan mangsa melecur teruk disiram air panas.<sup>15</sup> Manakala kedua-dua belah tangannya melecur akibat direndam dalam air panas. Begitu juga dengan kes penderaan dan pembunuhan amah Indonesia, Mantik Hani oleh majikannya A.Murugan, 35, pada Oktober 2009 di Taman Sentosa, Klang dan pelbagai lagi kes yang lain.<sup>16</sup>

Berhubung perkara itu juga, Datuk Dr. Firdaus Abdullah, yang juga merupakan Felo Penyelidik Kanan (Pelawat) di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dalam suatu artikel beliau di akhbar Utusan Malaysia yang bertajuk '*Kes dera pembantu rumah warga asing*', beliau ada menyatakan mengenai jumlah kes penderaan amah Indonesia yang berlaku di negara ini. Kenyataan tersebut adalah didapati oleh beliau sendiri ketika menghadiri sidang di Dewan Negara pada Julai 2009 yang lalu.

Berdasarkan kenyataan itu, dalam tahun 2006, sebanyak 45 kes telah dilaporkan dan sebanyak 43 kes dalam siasatan tetapi hanya dua kes yang sedang menunggu untuk dibicarakan. Dalam tahun 2007, 45 kes dilaporkan dan 38 kes dalam siasatan dan satu kes menunggu perbicaraan. Dalam tahun 2008, 42 kes dilaporkan dan 41 kes dalam siasatan dan dua kes selesai dibicarakan. Dalam tahun 2009, tujuh kes dilaporkan, dan dua kes menunggu perbicaraan. Amat mengecewakan apabila statistik tersebut memperlihatkan bahwa daripada 135 kes yang dilaporkan dari tahun 2006 hingga pertengahan 2009, hanya 127 yang dalam siasatan.<sup>17</sup>

Berhubung perkara tersebut, pensyarah Jabatan Psikologi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr. Fatimah Yusoff berkata, masalah personaliti majikan serta sikap sesetengah pembantu rumah adalah antara faktor yang mengakibatkan terjadinya kes-kes penderaan. Katanya, sikap majikan yang terlalu garang serta pembantu rumah yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan pekerjaan mereka, boleh mewujudkan ketegangan sehingga majikan

<sup>15</sup> Utusan Online (Arkib), 02/07/2007, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0702&pub=utusan\\_malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_06.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0702&pub=utusan_malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_06.htm&arc=hive)

<sup>16</sup> Utusan Online (Arkib), 03/12/2009, *Sebutan Kes Majikan Bunuh Pembantu Rumah 7 Januari*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1203&pub=utusan\\_malaysia&sec=Terkini&pg=bt\\_14.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1203&pub=utusan_malaysia&sec=Terkini&pg=bt_14.htm&arc=hive)

<sup>17</sup> Utusan Online (Arkib), 28/08/2009, *Kes Dera Pembantu Rumah Warga Asing*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0828&pub=utusan\\_malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_08.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=0828&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_08.htm&arc=hive)

cenderung mendera pekerja mereka itu. Ketua Kaunselor, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Asmawati Baharuddin pula berkata, harapan majikan yang terlalu tinggi menyebabkan mereka cenderung mendera pembantu rumah apabila pekerja mereka gagal melaksanakan tugas dengan baik.<sup>18</sup>

Namun jika dilihat dari kisah-kisah yang dipaparkan oleh media, kebanyakan majikan yang mendera pembantu rumah adalah daripada kalangan majikan yang bukan Islam khususnya Cina mendera pembantu rumah yang beragama Islam. Ini berikutan statistik di mana hampir 80% majikan yang membawa masuk pembantu rumah asing melalui agensi berdaftar terdiri daripada majikan berketurunan Cina yang bukan Muslim. Maka tidak hairanlah jika kebanyakan kes penderaan fizikal dan mental adalah dari kalangan majikan berketurunan Cina. Malah sebahagiannya juga mempunyai masalah untuk menghormati amalan agama pembantu rumah mereka sebagaimana yang dipersetujui di atas borang khas yang ditandatangani sebelumnya.<sup>19</sup>

Maka di sini, pihak agensi memainkan peranan penting dalam menentukan bilangan pembantu rumah Indonesia yang dilihat lebih ramai bekerja dengan orang bukan Melayu khususnya bangsa Cina. Ini adalah kerana agensi pembantu rumah asing di Malaysia kebanyakannya pada ketika ini didominasi oleh orang Cina. Daripada lebih 100 buah agensi yang berdaftar dengan PAPA lebih 90 peratus dimiliki oleh syarikat berbangsa Cina. Manakala syarikat yang dimiliki orang Melayu pada ketika ini sangat sukar untuk mendapatkan bekalan pembantu rumah daripada Indonesia. Salah satu faktornya adalah kerana syarikat orang Melayu kekurangan modal kerja dan tidak berani menanggung risiko dengan mengeluarkan pembayaran pendahuluan kepada pembekal pembantu rumah yang berada di Indonesia.<sup>20</sup>

Begitu juga dengan masalah status kemasukan golongan tersebut ke negara ini sama ada secara sah ataupun tidak di mana terdapat pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan ke atas

<sup>18</sup> [http://www.mykhilafah.com/fikratul-ummah/1466-fikratul-ummah-julai-2009#Isu\\_Penderaan\\_Pembantu\\_Rumah\\_Siapakah\\_yang\\_Patut\\_Dipersalahkan\\_](http://www.mykhilafah.com/fikratul-ummah/1466-fikratul-ummah-julai-2009#Isu_Penderaan_Pembantu_Rumah_Siapakah_yang_Patut_Dipersalahkan_)

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Darul Iman Abdul Munaf, "Perlindungan Pembantu Rumah Indonesia Di Malaysia: Antara Impian Dan Realiti", Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

mereka. Tetapi bagi aktiviti penyeludupan statusnya sudah tentu tidak sah. Apa yang penting dalam isu perdagangan orang ialah wujudnya unsur-unsur eksplotasi dan paksaan terhadap mangsa. Malah pembantu rumah tersebut juga lebih terdedah kepada bahaya kerana mudah dieksplotasi oleh sindiket untuk di 'redeploy' oleh majikan yang tidak bertanggungjawab dengan tidak membayar gaji secara adil, tiada kemudahan dan kebijakan serta terdedah kepada ancaman penderaan dan gangguan seksual. Kerajaan juga dilihat sukar bagi memantau sebarang masalah yang berkaitan dengan pembantu rumah warga asing kerana ketiadaan bank data yang lengkap.<sup>21</sup>

Walaubagaimanapun, kes-kes penderaan amah tersebut masih lagi kecil jika dibandingkan dengan jumlah pekerja warga Indonesia yang datang bekerja di Malaysia. Mantan Presiden bagi Persatuan Agensi Pembantu Rumah Asing Malaysia (PAPA), Datuk Raja Zulkepley Dahalan menyifatkan pengalaman panjang dalam industri tersebut banyak membantunya melihat isu ini secara kritis dan konstruktif. Baginya tidak dalam semua keadaan, majikan adalah salah dan pembantu rumah asing adalah betul. Hal ini tidak ubah seperti menunjuk kuman di seberang laut sedangkan gajah di depan mata tidak disentuh.<sup>22</sup>

Pelbagai masalah juga turut dihadapi oleh majikan di Malaysia terutamanya dengan agensi pembekal di Indonesia. Paling kerap diperkatakan adalah perihal penipuan biodata pembantu rumah. Pembantu rumah yang muda akan ditambah umur, manakala yang berusia pula akan dikurangkan usianya. Begitu juga bentuk fizikal. Gambar pembantu rumah kelihatan muda gara-gara sentuhan digital, tetapi apabila sampai kepada majikannya, penampilan sebenar adalah sebaliknya.

Selain itu, bayaran yang dikenakan terhadap kos pengambilan amah warga asing melalui agensi-agensi tersebut dikatakan memakan perbelanjaan antara RM5000-RM7000. Jumlah yang terlalu tinggi ini selain telah membebankan pihak majikan, mereka juga menghadapi cabaran di mana amah yang diambil dikatakan tidak

<sup>21</sup> Christine B. N. Chin (1997), *International Migration Review* (Walls of Silence and Late Twentieth Century Representations of the Foreign Female Domestic Worker: The Case of Filipina and Indonesian Female Servants in Malaysia), Vol. 31, No. 2 (Summer, 1997), New York : The Center for Migration Studies, hlm. 356.

<sup>22</sup> Faizal Riduan (Okttober 2009), *Milenia Muslim* (Amah oh Amah : Hamba Sahaya Zaman Moden), Kuala Lumpur : Penerbitan Karangkraf Sdn. Bhd., hlm. 71.

berbaloi dengan bayaran yang dikenakan. Hal ini terjadi apabila terdapat di antara amah yang diambil tidak cekap melakukan kerja-kerja rumah dan tidak dapat berkomunikasi dengan baik di antara mereka dengan majikan. Justeru terjadilah perkara-perkara yang tidak diingini seperti penderaan amah dan sebagainya.<sup>23</sup>

Bagaimanapun, ada segelintir majikan di Malaysia juga telah mengalami pengalaman pahit ketika menggajikan pembantu rumah asing terutama dari Indonesia seperti menjadi mangsa ilmu hitam, anak majikan didera dan ada majikan yang dibunuhi. Misalnya, tangkapan terhadap Susanti Lutfiyah yang didakwa telah mendera anak majikan adalah bukti bahawa ada segelintir pembantu rumah yang mendatangkan masalah kepada pihak majikan.<sup>24</sup>

Bukan itu sahaja, malah terdapat juga di kalangan majikan yang menghadapi masalah apabila pembantu rumah mereka melarikan diri. Ini berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia pada 2008 terdapat seramai 20,000 pembantu rumah asing melarikan diri daripada rumah majikan. Ia selari dengan rekod PAPA yang menunjukkan 10% pembantu rumah asing melarikan diri dan bagi setiap 10 pembantu rumah asing yang dibekalkan, tiga daripadanya dihantar pulang.<sup>25</sup>

Menurut Datuk Raja Zulkepley lagi, perkara ini terjadi antara-nya disebabkan majikan yang terlalu cerewet, tekanan kerja atau kehidupan, perwatakan majikan yang garang dan suka mengarah, tidak bertimbang rasa, dan lain-lain lagi. Begitu juga dengan sikap sesetengah pembantu rumah yang tidak tahu mengurus rumah tangga, pelupa, pengotor, suka berbohong, mencuri, mendera ahli keluarga majikan, meninggalkan rumah tanpa kebenaran dan sebagainya. Dua faktor utama inilah yang menyebabkan hubungan antara majikan dan pembantu rumah menjadi tegang dan konflik, sehingga sebahagiannya berakhir dengan penderaan yang di luar batas kemanusiaan.

<sup>23</sup> Christine B. N. Chin (1997), *International Migration Review* (Walls of Silence and Late Twentieth Century Representations of the Foreign Female Domestic Worker: The Case of Filipina and Indonesian Female Servants in Malaysia), Vol. 31, No. 2 (Summer, 1997), New York : The Center for Migration Studies, hlm. 355.

<sup>24</sup> Utusan Online (Arkib), 29/10/2009, *Kemelut Amah Indonesia*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1029&pub=utusan\\_malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_02.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1029&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_02.htm&arc=hive)

<sup>25</sup> Faizal Riduan (Oktober 2009), *Milenia Muslim* (Amah oh Amah : Hamba Sahaya Zaman Moden), Kuala Lumpur : Penerbitan Karangkraf Sdn. Bhd., hlm. 70.

## E. Reaksi Malaysia dan Indonesia terhadap Masalah Pembantu Rumah Indonesia di Malaysia

Walaupun terdapat kes-kes penderaan di sektor pembantu rumah, namun kes-kes sedemikian adalah kecil berbanding pekerja yang berjumlah kira-kira 300,000 orang di negara ini. Ini diakui sendiri oleh Pemangku Duta Besar Indonesia ke Malaysia, A. M. Fachir yang memberitahu, sebanyak 1,000 kes penderaan membabitkan pembantu rumah Indonesia dikesan sejak tahun 2005 yang lalu. "Jumlah itu amat kecil, hanya 0.33 peratus daripada keseluruhan pembantu rumah Indonesia di Malaysia."<sup>26</sup>

Justeru sepertimana yang diakui juga, kes penderaan amah bukanlah sesuatu yang menjadi kebiasaan di kalangan keluarga di Malaysia yang mengambil amah bekerja, namun kes-kes kecil ini sudah cukup memberikan impak yang besar terutamanya dalam dimensi diplomasi dan hubungan internasional serta dimensi keadilan dan pentadbiran undang-undang di samping dimensi kemanusiaan dengan segala ramifikasinya. Ertinya, selain daripada berkemungkinan menjelaskan hubungan dengan negara asing, kes ini juga boleh menimbulkan krisis keyakinan terhadap tadbir urus negara dan sistem kehakiman kita.

Apabila timbul permasalahan seumpama ini, selaras dengan pengurusan negara melalui krisis (*management by crisis*), pelbagai pihak mengemukakan kaedah untuk menyelesaikan kemelut ini sebagaimana laporan Berita Minggu pada 19hb Julai 2009, Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr S Subramaniam berkata, mesyuarat antara beliau dengan rakan sejawatannya dari Indonesia, Erman Suparno, bakal membincangkan isu yang dipersetujui Malaysia membabitkan pembantu rumah warga Indonesia iaitu, soal cuti sehari dalam seminggu, liputan insurans, membaiki tahap kontrak dan soal bayaran gaji tetap atau bulanan.

Menurut Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan<sup>27</sup>, bagi mengatasi masalah ini apa yang boleh dilakukan adalah memperbanyak pusat penjagaan kanak-kanak dan orang tua di kawasan kejiran kerana

<sup>26</sup> Utusan Online (Arkib), 18/06/2007, *Adakah Kita Kejam? — Berikut Kes Terbaru Penderaan Pembantu Rumah Indonesia* [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0618&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Muka\\_Hadapan&pg=mh\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0618&pub=Utusan_Malaysia&sec=Muka_Hadapan&pg=mh_01.htm)

<sup>27</sup> <http://www.mef.org.my/public/default.aspx>

antara alasan utama kepada masyarakat negara ini menggunakan pembantu rumah adalah untuk menjaga anak dan juga ibu bapa mereka yang sudah tua. Sebagai galakan, kerajaan juga boleh mengurangkan kadar cukai tahunan kepada pengguna yang menggunakan khidmat rumah asuhan ini.

Manakala menurut Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Paduka Abdul Rahman Ibrahim, kerajaan telah pun mengambil beberapa langkah penguatkuasaan untuk menangani masalah penderaan pembantu rumah asing, termasuk mewujudkan '*hotline*' aduan di bilik gerakan ibu pejabat Jabatan Imigresen Malaysia untuk pembantu rumah asing, majikan dan orang ramai membuat aduan.

Selain itu, Jawatankuasa Bersama Malaysia-Indonesia berhubung Pembantu Rumah Indonesia yang baru ditubuhkan pada 12 November lalu dikatakan telah berjaya menyelesaikan 54 kes membabitkan pembantu rumah di negara ini.<sup>28</sup> Jawatankuasa bersama itu ditubuhkan berikutan pertemuan antara pihak Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia di Parlimen. Hishammuddin, bagi memperlihatkan kesungguhan membantu, beliau memutuskan semua kes penderaan ke atas pembantu rumah dilaporkan terus kepada kementerian sepetimana yang dinyatakan sebelum ini.

Seterusnya bagi isu pembekuan amah dan penarikan semula pembekalan tenaga kerjanya, Indonesia telah meminta kerajaan Malaysia meminda Akta Kerja 1955. Mesyuarat pada 20 Ogos 2009 lalu membawa hasil pertama apabila kedua-dua negara bersetuju membenarkan pembantu rumah Indonesia diberi cuti sehari dalam seminggu. Mereka juga dibenarkan menyimpan pasport sendiri sewaktu berada di negara ini. Bagi pembantu rumah yang melarikan diri daripada majikan pula, jawatankuasa berkenaan bersetuju pas lawatan kerjanya dibatalkan serta-merta dan pekerja berkenaan juga tidak dibenarkan memasuki Malaysia semula untuk bekerja.<sup>29</sup>

<sup>28</sup> Utusan Online (Arkib), 18/06/2007, 54 Kes Selesai, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1203&pub=utusan\\_malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_17.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1203&pub=utusan_malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_17.htm&arc=hive)

<sup>29</sup> Utusan Online (Arkib), 14/11/09, *Jalinan Malaysia-Indonesia selepas kunjungan Susilo*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1114&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_03.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1114&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_03.htm)

Maka mulai Mei 2010 yang lalu, perkara-perkara tersebut telah mula dikuatkuasakan ke atas semua majikan di negara ini. Perkara itu telah dicapai melalui Dokumen Surat Niat (*Letter of Intent*) yang ditandatangani hasil rundingan tahunan dua hala antara Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Indonesia, Susilo Bambang Yudhoyono di Bangunan Perdana Putra.<sup>30</sup>

Manakala sementara menunggu isu pembekuan amah di selesaikan, Menteri Sumber Manusia Datuk Dr. S. Subramaniam menyatakan pula bahawa kementerian kini sedang mengkaji langkah mengambil pembantu rumah dari Thai Selatan dan Mindanao, Filipina oleh kerana kedua-dua kawasan mempunyai majoriti penduduk Islam. Beliau berkata bahawa telah tiba masanya bagi Malaysia melihat negara-negara alternatif bagi mendapatkan pembantu rumah, daripada bergantung semata-mata pada Indonesia.<sup>31</sup>

Oleh yang demikian, Memorandum Persefahaman (MoU) seterusnya dijangka menyusul kemudian bagi membolehkan penghantaran pembantu rumah yang dihentikan sejak Jun tahun lepas disambung semula. Pada masa ini terdapat 320,000 rakyatnya yang bekerja dalam sektor itu di sini. Dokumen Surat Niat Mengenai Pindaan Kepada Perjanjian Persefahaman (MoU) Pengambilan dan Penempatan Pembantu Rumah Warga Indonesia ditandatangani Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dan Menteri Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia, Muhammin Iskandar. Bahkan Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya ketika itu berkata bahawa kedua-dua negara telah bersetuju agar Suruhanjaya Bersama (JC) yang ditubuhkan menjadi mekanisme untuk menyelia, memantau dan mengambil tindakan menyelesaikan sebarang isu berbangkit. Begitu juga beberapa Kumpulan Kerja akan ditubuhkan pada setiap tiga bulan untuk melapor kepada kedua-dua pemimpin.<sup>32</sup>

Seterusnya Duta Besar Malaysia ke Indonesia, Datuk Syed Munshe Afdzaruddin Syed Hassan pula menjelaskan bahawa perkara

<sup>30</sup> Utusan Online (Arkib), 20/05/2010, *Perlu Dua Bulan Tarik Pembekuan Amah*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0520&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_14.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0520&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_14.htm)

<sup>31</sup> Utusan Online (Arkib), 20/05/2010, *Tiba Masanya Ubah Budaya 1Rumah 1Amah*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0520&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Dalam\\_Negeri&pg=dn\\_16.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0520&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_16.htm)

<sup>32</sup> *Ibid.*

itu akan menjadi antara cadangan yang akan dibawa ke perbincangan tahunan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Presiden Susilo Bambang Yudhoyono nanti. Manakala penelitian terhadap struktur kos pada perbincangan oleh agensi pekerja asing kedua-dua negara itu mendapat bahawa kos yang dikenakan ialah RM6,100. Selain kos tetap yang dikenakan kerajaan Indonesia dan Malaysia mengikut keperluan undang-undang dan peraturan, kos lain seperti kos latihan dan penajaan didapati terlalu tinggi hingga menyebabkan kos pengambilan pekerja itu bertambah besar.

Selain itu, dalam memperkuatkan hubungan tersebut juga, peranan ahli akademik turut diambil kira. Ini dapat dilihat melalui Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia di Universiti Malaya 22 Oktober tahun lalu bagi membahaskan dan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kedua-dua negara tersebut secara akademik. Begitu juga dengan isu penderaan amah. Kes amah Indonesia, Nirmala itu ditimbulkan kembali oleh mantan Menteri Penerangan, Tan Sri Zainuddin Maidin sewaktu memberi ucaptama dalam perasmian persidangan tersebut, mengharapkan agar dapat mencari jalan terbaik untuk membina kembali kesedaran masyarakat terhadap perlunya memahami sejarah, budaya melalui laporan media yang positif.

Akhir sekali, dalam menangani isu penyeludupan tenaga kerja warga asing, Malaysia juga telah meluluskan Akta Antipemerdagangan Orang 2007 (ATIP). Sejak dengan pengenalan akta tersebut, kerajaan turut menubuhkan Majlis Antipemerdagangan Orang (MAO) yang berfungsi untuk menyelaraskan dasar dan melaksanakan ATIP.<sup>33</sup> Walaubagaimanapun, kebanjiran Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) kini dikatakan tidak lagi perlu dibimbangi. Bahkan menurut ketua s/u KDN (Kementerian Dalam Negeri) Datuk Seri Mahmood Adam, kerajaan telah mengetatkan kawalan pihak polis, Jabatan Imigresen dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan banyak tangkapan telah dibuat.

## F. Kesimpulan

Dalam situasi dan keadaan sekarang ini, kita dapat menyaksikan bahawa banyak keluarga bergantung pada pembantu rumah

---

<sup>33</sup> Utusan Online (Arkib), 01/0510/2009, *Dilema Perdagangan Manusia*, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1001&pub=utusan\\_malaysia&sec=Rencana&pg=re\\_06.htm&arc=hive](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2009&dt=1001&pub=utusan_malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm&arc=hive)

untuk menjaga anak dan melakukan kerja-kerja domestik disebabkan oleh kaum wanita yang menyertai tenaga kerja. Malah status wanita bekerjaya ini bukanlah kerana semata-mata untuk mengejar kemewahan dan pangkat tetapi atas faktor ‘survival’ terutamanya yang berstatus ibu tunggal.

Justeru itu, jika dilihat kepada masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pembantu rumah Indonesia sepetimana yang telah dibincangkan sebelum ini, apa yang lebih penting ialah mencari punca permasalahan bagi isu tersebut. Dalam Islam, mendera manusia lain dan memperlakukan mereka seperti haiwan adalah satu kesalahan. Untuk itu, kita melihat peri pentingnya negara di pimpin oleh seorang imam atau khalifah yang akan memastikan kesejahteraan seluruh warganegara tanpa mengira kaum dan agama terbelah. Begitu juga dengan hubungan diplomatik yang baik khususnya di antara negara-negara Islam sangat dituntut dalam usaha menjamin keharmonian dan kestabilan umatnya.

Oleh itu, Islam memandang bahawa manusia adalah objek penghormatan dari Allah s.w.t. yang telah menganugerahkan penghormatan itu dan memberikannya kepada manusia. Setiap manusia dengan sifatnya sebagai manusia adalah sama dan layak mendapat penghormatan ini, meskipun berbeza-beza warna kulit, tempat tinggal dan keturunannya. Begitu juga antara laki-laki dengan perempuan semuanya mendapat penghormatan dari Allah sebagaimana firman Allah dalam yang bermaksud,

*“Dan sesungguhnya telah kami muliakan anak-anak Adam, Kami angkut mereka di daratan dan di lautan, Kami beri mereka rezeki yang baik-baik, dan Kami lebihkan mereka dengan kelebihan yang sempurna atas kebanyakkan makhluk yang telah kami ciptakan.”<sup>34</sup>*

*Maka dalam membincangkan dan menyelesaikan permasalahan tersebut*, lawatan dan perjumpaan di antara kedua-dua pemerintah Malaysia dan Indonesia ini perlulah berterusan dalam membincangkan dan bersepakat dalam usaha memperbaiki hubungan kedua-dua belah pihak.

Bahkan sempena lawatan tersebut, kita sewajarnya dapat menilai hubungan kedua-dua negara terutamanya dengan melihat kepada cermin sejarah di mana titik peralihan paling besar dalam sejarah hubungan Indonesia Malaysia ialah kejayaan Presiden

---

<sup>34</sup> Surah al-Isra' (17):70

Suharto dan Tun Abdul Razak membawa keluar kedua-dua negara daripada kotak perkauman Nusantara dan meletakkan Indonesia dalam konsep kerjasama serantau di atas dasar ekonomi bebas yang terbukti telah membawa kemajuan, pemodenan dan kemakmuran kepada umat manusia.<sup>35</sup>

Harapan agar kedua-dua negara ini mencapai persefahaman bukan sahaja di kalangan pemerintah malah rakyat di kedua-dua buah negara amat besar. Justeru ia menuntut kerjasama yang bukan sahaja dari kalangan pemerintah dan kerajaan, malah dari pelbagai pihak termasuklah media, ahli akademik, dan lain-lain lagi.

### Daftar Pustaka

- Christine B. N. Chin (1997), *International Migration Review* (Walls of Silence and Late Twentieth Century Representations of the Foreign Female Domestic Worker: The Case of Filipina and Indonesian Female Servants in Malaysia), Vol. 31, No. 2 (Summer, 1997), New York : The Center for Migration Studies.
- Darul Iman Abdul Munaf, "Perlindungan Pembantu Rumah Indonesia Di Malaysia: Antara Impian Dan Realiti", Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.
- Faizal Riduan (Oktober 2009), *Milenia Muslim* (Amah oh Amah: Hamba Sahaya Zaman Moden), Kuala Lumpur: Penerbitan Karangkraf Sdn. Bhd.
- Karim, A.H.M. Zehadul (1999), *Foreign workers in Malaysia : Issues and Implications*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rohana Ariffin (2001), *Hawke Institute Working Paper Series* (Domestic Work and Servitude in Malaysia), Australia : University of South Australia.
- Shirlena Huang dan Brenda S.A.Yeoh (1996), *Geoforum* (Ties That Bind: State Policy and Migrant Female Domestic Helpers in Singapore, Vol. 27, No. 4, Great Britain: Elsevier Science Ltd.

---

<sup>35</sup> Liow, Joseph Chinyong (2005), *A Politics of Indonesia-Malaysia Relations: One Kin, Two Nations*. London: Routledge Curzon, hlm. 21.